

Tioman sebagai Destinasi Pelancongan Lestari



Diterbit oleh, Reef Check Malaysia

Hak cipta © 2020, Reef Check Malaysia

Dokumen ini boleh diterbitkan semula untuk tujuan pendidikan atau bukan keuntungan tanpa izin khas daripada pemegang hak cipta, dengan syarat pengakuan sumber dibuat. Reef Check Malaysia sangat berbesar hati untuk menerima satu salinan mana-mana penerbitan yang menggunakan dokumen ini sebagai sumber.

Mengenai Reef Check

Reef Check adalah program pemantauan terumbu karang antarabangsa terbesar di dunia yang melibatkan penyelam rekreasi sukarela dan saintis marin. Pertama kali dilakukan secara besar-besaran pada tahun 1997, ia memberikan bukti kukuh yang pertama bahawa terumbu karang telah dimusnahkan pada skala global. Kajian ini meningkatkan kesedaran para saintis, kerajaan, ahli politik dan masyarakat umum mengenai nilai terumbu karang, ancaman terhadap kesihatan mereka dan cara penyelesaian terhadap masalah terumbu karang. Reef Check kini aktif di lebih 95 negara di seluruh dunia.

Mengenai Reef Check Malaysia

Reef Check Malaysia (RCM) didaftarkan di Malaysia sebagai syarikat bukan keuntungan pada tahun 2007, dan sejak itu telah mengadakan program pemantauan terumbu karang tahunan untuk menilai kesihatan terumbu karang di seluruh Malaysia. Dalam 13 tahun yang lalu, RCM telah melatih lebih daripada 900 penyelam untuk melakukan pemantauan terumbu di lebih daripada 200 lokasi pemantauan tetap terumbu karang di seluruh Malaysia. RCM juga aktif dalam program pendidikan dan kesedaran, dan mempunyai program pendidikan jangka panjang untuk sekolah. Sejak 2010, RCM telah menubuhkan beberapa program Pemulihan Karang.

Pada tahun 2014, RCM mulakan program komuniti pertamanya, Kempen Cintai Tioman di Tioman, dengan dana daripada Yayasan Sime Darby. Matlamat program ini adalah untuk membina ketahanan ekologi dan sosial di pulau ini, dengan penekanan khusus untuk melibatkan masyarakat tempatan dalam menguruskan terumbu pulau. Pada tahun 2016, RCM mulakan dua projek baru berasaskan komuniti. Projek di Pulau Mantanani menyatukan semua pihak berkepentingan untuk mewujudkan kawasan perlindungan marin yang dikendalikan oleh masyarakat, yang membawa kepada pembangunan ekonomi yang mampan di pulau itu. RCM juga bergabung dengan Taman Laut Malaysia sebagai rakan projek dalam Tabung Pemuliharaan Spesies Mohamed bin Zayed dan UNEP-GEF untuk mengoperasikan Pelan Tindakan Nasional Malaysia untuk Dugong di Pulau Sibul dan Pulau Tinggi, Johor.

Laporan ini patut diakui seperti:

Reef Check Malaysia 2020. *Tioman sebagai Destinasi Pelancongan Lestari*. 15ms.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Reef Check Malaysia
Lot 5.19-5.22, Box 606,
Wisma Central, Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel/Fax: 03 2161 5948
Emel: wecare@reefcheck.org.my
Laman Web: www.reefcheck.org.my

Pengenalan: Pembangunan Pelancongan di Tioman

Pelancongan di Tioman semakin membangun. Dari akhir 1990-an sehingga beberapa tahun yang lepas, bilangan pelancong adalah agak stabil sementara di destinasi lain ia meningkat (contoh Perhentian dan Redang di Malaysia, serta destinasi antarabangsa seperti Thailand, Filipina dan Indonesia). Dalam tempoh ini, pembangunan resort baru di Tioman adalah rendah dan pasaran pelancongan bergantung kepada sekitar 65 resort, kebanyakannya perniagaan keluarga berskala kecil.

Keadaan ini telah berubah dalam lima tahun yang lepas dan bilangan resort meningkat secara perlahan-lahan, apabila bilangan pelancong mula bertambah. Walau bagaimanapun, kemudahan yang sedia ada – kedua-dua kemudahan sosial di pulau dan kemudahan pengangkutan untuk ke pulau - tidak mencukupi untuk mengatasi perkembangan ini. Liputan media terbaru mengenai cadangan untuk membina lapangan terbang baru telah menekankan perlunya mengkaji semula pendekatan untuk memaksimumkan pendapatan daripada pelancongan di Tioman. Adakah ia patut dikembangkan sebagai pasaran pelancongan besar-besaran, atau sebagai pasaran ekopelancongan bernilai tinggi dengan bilangan pelancong rendah? Bagaimana manfaat ekonomi dan impak sosial dan alam sekitar patut diimbangi untuk memastikan keperluan semua pihak berkepentingan ditangani?

Kertas ini menggariskan hujah-hujah yang menyokong pendekatan untuk membangunkan pelancongan di Tioman dengan memberi penekanan kepada kelestarian. Pendekatan sebegini bukan sahaja menjaga kepentingan penduduk pulau dan melindungi ekosistem pulau tetapi juga memberi manfaat kepada ekonomi negara. Pendekatan ini akan meningkatkan **nilai** pelancongan Tioman, dan pada masa yang sama menghadkan **kesan** pelancongan tersebut, melindungi ekosistem dan budaya yang semakin dicari oleh pelancong ketika mereka mencari destinasi pelancongan yang asli dan tidak tercemar.

Kertas ini ditulis sebelum kesan sepenuh Coronavirus diketahui. Hujah-hujah yang menyokong pelancongan lestari nampaknya semakin kukuh kini.

PELANCONGAN LESTRARI

Pendekatan pelancongan lestari akan **meningkatkan nilai pelancongan** Tioman, dan pada masa yang sama **menghadkan kesan pelancongan** tersebut.


Tioman: Permata di Laut China Selatan

Tioman adalah pulau yang terbesar di pantai Timur Semenanjung Malaysia. Berukuran sekitar 20 km panjang dengan 12 km lebar, pulau ini memiliki keluasan 135 km² dan garis pantai sepanjang 169 km. Rumah kepada hampir 3,700 penduduk pulau yang menetap di 7 kampung, Tioman dikenali sebagai syurga biodiversiti, kedua-dua daratan dan lautan. Bahagian selatan pulau ini masih dilitupi hutan yang tebal, sebahagian besar adalah hutan primer yang menyediakan tempat tinggal kepada pelbagai haiwan, termasuk sejumlah spesies endemik. Terumbu karang di pulau ini adalah antara yang paling sihat di Malaysia. Pelancong mengunjungi Tioman kerana alam semula jadinya yang asli dan tidak tercemar - air jernih, pantai yang sunyi, dan hutan yang masih utuh.

Biodiversiti di Tioman adalah banyak. Sebahagian besar Pulau Tioman diliputi hutan hujan tropika dan pulau ini mencatat banyak tumbuhan yang jarang dijumpai dengan sekurang-kurangnya 388 taxa pokok, 653 taxa pokok renek, 8 spesies hiper-endemik dan lain-lain yang mempunyai taburan terputus yang melangkau Semenanjung Malaysia dan sebaliknya mempunyai persamaan dengan Thai-Burma atau Bornea. Sebilangan spesies tumbuhan, terutamanya pakis, menyerupai spesies yang terdapat di Taman Kinabalu di Sabah. Spesies yang jarang dijumpai *Rafflesia* juga terdapat di Tioman. Walau bagaimanapun, sebahagian besar tumbuhan pulau ini masih belum diterokai.

Terdapat 138 spesies burung di pulau ini, termasuk burung frigate yang besar, dengan bilangan serangga dan rama-rama yang tidak terkira. 25 spesies ular dicatat di pulau ini, termasuk ular sawa retikulasi, ular 'grass green whip', ular tedung hitam biasa, ular tedung raja dan pelbagai ular buluh. Terdapat 32 spesies cicak, kebanyakan adalah unik kepada pulau ini.

Tioman mencatat kira-kira 45 spesies mamalia, termasuk beberapa spesies yang dilindungi seperti binturong, monyet berekor panjang, kongkang (Slow Loris) yang jarang dijumpai (kemungkinan merupakan spesies yang berbeza daripada tanah besar dan tergolong dalam taxa yang baru); tupai gergasi hitam, tupai terbang gergasi merah, pelanduk, landak 'brush-tailed', dan musang sawit biasa. Terdapat beberapa spesies kelawar, termasuk 'kelawar buah-buahan berhidung pendek' yang asli kepada kawasan ini dan diancam oleh pencemaran cahaya akibat daripada peningkatan pembangunan pelancongan.



Dua spesies endemik dijumpai di hutan hujan tropika yang utuh di pulau ini: spesies ikan keli yang dipanggil keli 'Tioman jungle walking'; dan katak 'Kajang slender litter', yang hanya ditemui di sebuah gua kecil berhampiran puncak Gunung Kajang.

Pulau Tioman mempunyai tiga ekosistem laut yang saling berkait: terumbu karang, rumput laut dan paya bakau. Bersama-sama, mereka membentuk jaringan penting dalam kitaran hidup pelbagai spesies laut. Mereka adalah sumber penting untuk keada-dua keselamatan makanan dan pekerjaan dalam industri pelancongan di pulau ini, dan penghalang fizikal untuk hakisan. Terumbu di pulau ini

mempunyai sekitar 188 spesies karang, 233 spesies ikan karang, dan 53 spesies alga. Terdapat hutan paya bakau di beberapa lokasi di sekitar pulau ini, dengan 23 spesies pokok bakau yang berbeza termasuk spesies hibrid yang jarang dijumpai. Timun laut, ketam bakau dan spesies-spesies lain adalah biasa dijumpai di zon intertidal. Pulau ini mempunyai tiga spesies rumput laut, boleh dijumpai di Air Batang dan di antara Resort Japamala dan Pasir Cina.

Terumbu karang di Tioman menyokong pelbagai jenis hidupan laut termasuk kima gergasi yang terancam, yu sirip hitam yang hampir terancam, penyu agar yang terancam, dan penyu karah yang sangat terancam. Ancaman yang berterusan meletakkan seluruh ekosistem ini dalam risiko, yang seterusnya mengancam biodiversiti ini.

Program pemantauan penyu yang dilakukan oleh Juara Turtle Project mendapati bahawa Pulau Tioman adalah kawasan penting dalam kitaran hidup penyu karah dan penyu agar. Pemantauan menunjukkan bahawa kebanyakan penyu karah di sekitar pulau ini (termasuk remaja dan dewasa) menetap di Pulau Tioman. Sebaliknya, kebanyakan penyu agar di sekitar pulau ini adalah remaja dan menetap di Pulau Tioman selama beberapa tahun sebelum berpindah ke tempat lain untuk mencari makanan. Bukti menunjukkan bahawa Pulau Tioman berfungsi sebagai tempat pembiakan penyu karah dan penyu agar. Oleh itu, pulau ini adalah sangat penting untuk kitaran hidup penyu. Pulau Tioman juga merupakan kawasan dan laluan migrasi yang penting untuk mamalia laut seperti lumba-lumba dan ikan paus 'pilot' yang dijumpai secara berkala oleh penyelam. Sebilangan lumba-lumba menetap di sekitar Pulau Tioman, walaupun tidak terdapat kajian mengenai jumlah atau penggunaan habitat oleh mereka.



Kepentingan Global dan Serantau

Terumbu karang Tioman terdapat dalam dua inisiatif yang menekankan pentingnya sumber-sumber ini yang menjangkau pulau ini sendiri, memberikannya kepentingan pada skala yang lebih besar.


50 Terumbu yang Mesti Diselamatkan

"Inisiatif 50 Karang" telah dilancarkan untuk mengenal pasti kawasan terumbu karang yang cenderung untuk mengharungi impak perubahan iklim yang semakin meningkat dan dapat mengembalikan populasi terumbu karang yang telah dirosakan oleh perubahan iklim atau ancaman tempatan. Satu strategi global telah dibentuk dan bertujuan untuk melindungi kawasan-kawasan penting ini daripada ancaman tempatan, ancaman yang tidak berkaitan dengan perubahan iklim, seperti pencemaran, pengambilan hasil laut secara berlebihan, dan lain-lain.

Salah satu "50 Terumbu" berada di sepanjang pantai Tenggara Semenanjung Malaysia sejauh Tioman dan menghubungkan seberang Laut China Selatan dengan Kepulauan Riau di perairan Indonesia. Dengan kata lain, Tioman berada di tengah-tengah kawasan terumbu karang yang mesti diselamatkan jika terumbu karang dapat mengharungi perubahan iklim; ia merupakan elemen penting dalam jaringan biologi antara Indonesia, Singapura, Malaysia, Thailand dan Laut China Selatan.

Segi Tiga Terumbu Karang

Diakui oleh para saintis sebagai kawasan lautan dunia dengan biodiversiti yang tertinggi, Segi Tiga Terumbu Karang meliputi lautan yang dibatasi oleh Filipina di Utara, Malaysia di Barat dan Indonesia dan Papua New Guinea di Selatan dan Timur. Rumah kepada lebih dari 500 spesies karang dan 2,200 spesies ikan, jutaan orang bergantung kepada terumbu di rantau ini untuk keselamatan makanan dan kehidupan mereka. Untuk melindungi terumbu karang di kawasan ini, kerajaan di enam 'negara Segi Tiga Terumbu Karang' telah menandatangani satu perjanjian untuk bekerjasama untuk menangani ancaman-ancaman terhadap biodiversiti lautan yang penting ini.



Sistem Kawasan Perlindungan Marin Segi Tiga Terumbu Karang bertujuan untuk memupuk satu sistem Kawasan Perlindungan Marin individu yang diutamakan, komprehensif, berdasarkan ekologi, dikendalikan dengan baik dan merangkumi kawasan serantau yang luas. Ia juga bertujuan untuk memupuk rangkaian Kawasan Perlindungan Marin yang berhubung, berdaya tahan, dan mempunyai kewangan yang

boleh bertahan untuk jangka masa yang panjang. Dengan itu, ia dapat menyumbang ke arah (i) menjana faedah pendapatan, kehidupan, dan keselamatan makanan, (ii) memelihara kepelbagaian biologi yang kaya di rantau ini, dan (iii) penyesuaian terhadap dan mengurangkan kesan perubahan iklim.

Sistem ini merangkumi empat kategori dan rangkaian Kawasan Perlindungan Marin. Peringkat tertinggi adalah Kategori 4 – kawasan serantau yang diutamakan. Tioman adalah satu-satunya Kawasan Perlindungan Marin di Semenanjung Malaysia yang diberi Kategori 4.

Kedua-dua inisiatif ini menunjukkan kepentingan global dan serantau untuk memelihara terumbu karang Tioman.


Dasar Nasional, Sokongan Antarabangsa

Malaysia dikenali sebagai negara "mega-biodiverse", dan ini tercermin dalam Dasar Nasional untuk Kepelbagaian Biologi, yang menyatakan bahawa "Malaysia berdedikasi untuk memelihara kepelbagaian biologi dan mempromosikan penggunaan sumber biologi ini secara lestari". Dasar ini merangkumi sejumlah sasaran yang merujuk kepada pemuliharaan terumbu karang, termasuk:

- Sasaran 6: menjelang 2025, sekurang-kurangnya 10% kawasan pesisiran dan laut dipelihara melalui satu sistem yang mewakili kawasan perlindungan
- Sasaran 7: menjelang 2025, ekosistem dan habitat yang mudah terancam, terutamanya... terumbu karang dan rumputa laut adalah dilindungi dan dipulihkan dengan secukupnya
- Sasaran 8: menjelang 2025, penting... koridor ekologi marin telah dikenalpasti, dipulih dan dilindungi

Sasaran ini adalah sebahagian daripada komitmen antarabangsa yang Malaysia telah tandatangi, termasuk:

- UN Sustainable Development Goals (SDGs)
- Aichi Biodiversity Targets (CBD)
- Coral Triangle Initiative (CTI).



Pelbagai kerjasama seperti ini mempunyai matlamat yang sama: untuk memelihara biodiversiti Malaysia, termasuk biodiversiti laut.

Terumbu Karang: Apa yang Salah?

Terumbu karang membesar dengan bagus di perairan cetek yang sederhana hangat di lautan tropika. Karang mempunyai hubungan simbiosis dengan alga fotosintetik, di mana karang menyediakan rumah kepada alga yang memberikan nutrien. Ini bermakna mereka perlu tinggal di air yang jernih, tidak diganggu oleh kelodak dan kesan daripada tanah dilapangkan, dan bebas daripada pencemaran yang timbul akibat daripada kegiatan manusia. Selain itu, karang adalah rapuh jadi ia perlu dilindungi daripada kesan fizikal seperti sauh kapal dan aktiviti pelancongan yang tidak bertanggungjawab.

Kajian menunjukkan bahawa pembangunan infrastruktur laut berskala besar biasanya mempunyai dua kesan terhadap terumbu karang: semasa pembinaan dan selepas pembinaan.

Pembangunan Infrastruktur: Kesan daripada Pembinaan

Semasa pembinaan mana-mana infrastruktur laut (marina, penambakan darat, dan lain-lain) akan berlakunya kemusnahan fizikal seluruh terumbu karang (dan ekosistem laut yang lain) di sekitar lokasi projek. Selain itu, kelodak yang timbul akibat daripada gangguan kepada dasar laut akan merebak dan melitupi terumbu karang yang berdekatan, menyebabkan kerosakan yang lebih lanjut. Satu kajian yang dijalankan pada tahun 2007 berikutan dengan cadangan lapangan terbang di Tioman sebelum ini meramalkan bahawa arus yang terhasil akan membawa gumpalan kelodak dari kawasan penambakan melebihi kejauhan 10 km. Ini akan merosakkan kawasan terumbu karang yang besar di sekitar bahagian utara Tioman, kawasan paling popular untuk snorkelling dan menyelam. Pulau Renggis, menurut kajian Reef Check, dikelilingi salah satu terumbu karang yang paling sihat di Malaysia, dan terletak berdekatan dengan lokasi projek yang dicadangkan dan kemungkinan besar akan terjejas dengan teruk.

Apabila terumbu karang dirosakan oleh kesan-kesan sebesar ini, biodiversiti seluruh sistem terumbu karang akan merosot, populasi ikan berkurangan dan hidupan terumbu karang yang membesar dengan baik diganti dengan ekosistem baru dengan produktiviti yang jauh lebih rendah. Kehilangan biodiversiti telah diperhatikan oleh penyelidik-penyelidik yang memantau terumbu karang berdekatan tapak pembinaan di seluruh dunia. Kehilangan biodiversiti sebegini akan membawa kepada litupan karang yang lebih rendah, kepelbagaian ikan berkurangan dan peningkatan pertumbuhan alga. Terumbu karang dalam keadaan yang merosot ini tidak akan tertarik oleh pelancong.

Pembangunan Infrastruktur: Kesan selepas Pembinaan

Tanpa kehendak untuk pelancongan lestari yang berskala kecil di Tioman, dengan fokus kepada eko-pelancongan, kemungkinan bilangan pelancong akan mula bertambah sekiranya kemudahan pengangkutan yang baru dan besar dibina. Pembinaan resort baru akan menyusul, tanah akan dilapangkan untuk kedua-dua resort dan infrastruktur baru seperti jalan raya dan laluan elektrik. Kelodak yang dilepaskan ke dalam laut akibat daripada aktiviti melapangkan tanah akan melitupi terumbu karang dan mengurangkan kualiti air, seterusnya menjejaskan kesihatan karang. Bilangan pelancong yang tinggi akan menghasilkan lebih banyak sampah, menambah tahap pencemaran yang sedia ada.



Kebanyakan penduduk di Tioman kini bekerja dalam operasi pelancongan yang berasaskan keluarga, termasuk resort dan perkhidmatan pelancongan seperti snorkelling. Lebih tenaga pekerja untuk resort baru adalah sangat terhad. Oleh itu, resort baru memerlukan pekerja dari luar, yang memerlukan lebih banyak penginapan dibina dan memberi lebih tekanan kepada infrastruktur lain seperti air dan elektrik.

Perkembangan pelancongan yang tidak terkawal di pulau-pulau seperti Mantanani dan Mabul (di Sabah) adalah contoh yang bagus untuk mengetahui kesan-kesan perkembangan pelancongan terhadap ekosistem laut dan implikasi terhadap penduduk pulau. Di Mantanani, bilangan pelancong meningkat kepada 3,000 sehari (meningkat daripada 50 sehari hanya 8 tahun yang lalu), dan kajian terumbu karang membuktikan peningkatan kerosakan ekosistem laut daripada kapal, perenang snorkel dan penyelam. Bekalan air tawar terganggu akibat daripada peningkatan penyaluran air untuk pelancong. Di Mabul, di

mana bilangan resort masih meningkat, pengurusan sampah adalah satu masalah yang serius.

Koh Samui di Thailand adalah contoh untuk mengetahui arah tuju kesihatan terumbu karang sekiranya pelancongan dibiarkan berkembang tanpa kawalan. Selepas pembinaan lapangan terbang di pulau itu, ekosistem perairan cetek (terutamanya terumbu karang) telah musnah dari masa ke masa oleh pembangunan resort dan pelancongan yang semakin meningkat.

Adakah kita telah mencapai had daya tampungan?

Tiada anggaran yang tepat untuk had daya tampungan Tioman. Namun, laporan dari pulau itu menunjukkan bahawa infrastruktur sosial yang sedia ada adalah tidak mencukupi untuk menampung peningkatan bilangan pelancong:

- Terdapat masalah bekalan air, terutama pada musim ramai pelancong. Menambah kemudahan seperti lapangan terbang, dan penambahan resort yang akan menyusul untuk menampung peningkatan bilangan pelancong yang dijangka, akan menyebabkan masalah air lagi teruk.
- Pulau ini tidak mempunyai sistem rawatan kumbahan berpusat. Ujian kualiti air menunjukkan tahap e. coli yang tinggi di beberapa kawasan, yang merupakan petunjuk pencemaran kumbahan.
- Insinerator sedang beroperasi pada had yang tidak dapat mengurus sebarang peningkatan sampah yang dihasilkan di pulau ini.
- Pulau ini memiliki kemudahan jalan yang sangat terbatas dan tidak mencukupi untuk membawa orang yang semakin meningkat ke sekitar pulau ini. Jalan baru bermaksud menebang hutan yang utuh, dengan kesan kepada ekosistem (pembebasan kelodak, hakisan, dan lain-lain).
- Kapasiti penjana elektrik adalah terhad dan bekalan elektrik terputus adalah biasa, terutama pada musim ramai pelancong. Kemungkinan besar penjana elektrik yang baru diperlukan untuk mengatasi permintaan perkembangan pelancongan.

Oleh itu, dengan perkembangan pelancongan maka perlunya infrastruktur tambahan – di mana kesannya telah dijelaskan.

Beberapa perbandingan kesan perkembangan pelancongan yang tidak terurus di rantau ini adalah:

- **Boracay, Philippines** – ditutup selama 6 bulan akibat daripada kesan pelancongan, termasuk pencemaran kumbahan. Pulau ini kemudian dibuka untuk pelancongan, tetapi dengan had bilangan pelancong yang ketat (dikurangkan daripada 20,000 kepada 6,400 sehari), dan syarat tambahan untuk sistem kumbahan yang diluluskan; plastik sekali pakai dilarang dan denda diperkenalkan untuk pembuangan sampah sarap merata-rata.
- **Maya Bay, Thailand** – ditutup akibat daripada kesan bilangan pelancong yang tinggi terhadap ekosistem laut.
- **Komodo National Park, Indonesia** – terdapat petunjuk bahawa pulau akan ditutup mulai tahun 2020 untuk mengurangkan kesan pelancongan.



Mitos Ekonomi – “pelancongan akan memberi pekerjaan kepada penduduk pulau”

Hujah yang digunakan untuk mempromosikan perkembangan pelancongan di pulau-pulau seperti Tioman adalah tuntutan bahawa pertumbuhan ekonomi yang berkaitan akan membawa pekerjaan tambahan kepada penduduk pulau. Walau bagaimanapun, perbezaan mesti dibuat antara pembangunan ekonomi dan pekerjaan, ataupun kehidupan - ini adalah tidak sama.

Penambahbaikan **kehidupan** pada awalnya memberi faedah kepada penduduk pulau apabila bilangan pelancong meningkat, mewujudkan peluang untuk memberikan perkhidmatan. Di Pulau Tioman kebanyakan penduduk pulau bekerja dalam pelancongan; kebanyakan resort di pulau ini adalah perniagaan keluarga berskala kecil; dan terdapat peluang untuk memberikan perkhidmatan tambahan kepada pelancong, seperti snorkeling. Pelancong mengunjungi restoran dan perniagaan tempatan yang lain. Tioman secara efektif mempunyai kadar pekerjaan yang penuh, dengan kebanyakan penduduk pulau bekerja dalam perniagaan keluarga; penduduk pulau yang ingin bekerja sedang melakukannya.

Namun, setelah pelancongan berkembang ke suatu tahap, **perkembangan ekonomi** biasanya memanfaatkan orang luar kerana peluang pembangunan resort kini melebihi kemampuan kewangan penduduk pulau, dan syarikat besar akan tertarik ke sini. Pembangunan resort yang besar sebegini memberi sedikit faedah kepada penduduk pulau. Resort besar bergantung kepada pekerja dari luar, yang tidak memberi faedah kepada penduduk pulau. Resort besar biasanya menawarkan pakej makanan dan aktiviti yang lengkap, merampas perniagaan daripada penduduk pulau yang tidak lagi mempunyai akses kepada pelanggan di resort. Pelancong tidak lagi mengunjungi restoran tempatan, menggunakan pengangkutan tempatan atau membeli daripada kedai tempatan.

Konflik sebegini adalah perkara biasa. Sebenarnya, dalam kes-kes yang melampau, pembangunan resort besar boleh menyebabkan **pengurangan kehidupan** penduduk pulau. Oleh itu, sementara nilai pasaran pelancongan mungkin berkembang, terdapat kemungkinan kesan negatif ke atas kehidupan penduduk pulau. Dan, tentunya, terdapat peningkatan kesan negatif terhadap ekosistem.

Satu kajian telah diadakan di Tioman untuk mendapatkan maklum balas daripada penduduk pulau mengenai perkembangan pesat di pulau itu. Banyak yang menunjukkan bahawa mereka menentangnya. Keprihatinan utama mereka adalah untuk memperbaiki kemudahan dan infrastruktur yang sedia ada, daripada membuat lebih banyak infrastruktur di sebuah pulau yang sudah dilanda dengan pelbagai isu kualiti hidup.

Nilai bukan Bilangan

Industri pelancongan Malaysia telah berkembang menjadi sektor ekonomi yang penting dan sasaran semasa bilangan pelancong ditetapkan untuk melebihi 30 juta setiap tahun. Walau bagaimanapun, penyelidikan menunjukkan bahawa perbelanjaan setiap pelancong adalah rendah. Walaupun begitu, KPI utama pelancongan adalah untuk menarik lebih banyak pelancong.

Jelas sekali, apabila bilangan pelancong bertambah, begitu juga dengan kesan-kesan – kedua-dua persekitaran dan sosial. Di Pulau Mantanani, misalnya, ada perasaan tidak suka yang kuat di kalangan beberapa penduduk pulau kerana pelancong berjalan di sekitar kampung dengan pakaian yang tidak sesuai. Namun pelancong ini memberi sedikit atau tiada langsung faedah ekonomi kepada penduduk pulau tetapi pada masa yang sama meningkatkan kesan persekitaran yang memberi kesan negatif kepada penduduk pulau.

Organisasi Pelancongan Dunia Bangsa Bersatu mendefinisikan pelancongan lestari sebagai "pelancongan yang memberikan hasil ekonomi, sosial dan alam sekitar yang positif dengan mempertimbangkan keperluan pelancong, industri, penduduk pulau dan persekitaran."

Tioman dan pulau-pulau yang serupa adalah sesuai sebagai destinasi pelancongan lestari atau eko-pelancongan, memandangkan biodiversiti endemik yang tinggi. Sememangnya, Rancangan Eko-pelancongan Nasional 2016-2025 mencadangkan sebilangan kelompok eko-pelancongan, salah satunya Tioman. Mungkin sudah waktunya untuk mengubah konsep "lebih banyak pelancong" kepada "lebih tinggi nilai", dengan fokus pada produk dan perkhidmatan yang bernilai tinggi. Bilangan pelancong yang lebih kecil yang membawa jumlah pendapatan yang sama mempunyai kesan alam sekitar yang lebih rendah, dan memerlukan pembangunan infrastruktur yang kurang.

Tren Pelancongan

Menurut Revfine, satu platform pengetahuan industri pelancongan, tiga tren pelancongan tertinggi untuk tahun 2020 adalah:

- Bersendirian
- Ekologi
- Pengalaman tempatan

Kajian Adventure Travel Research (US) mendapati bahawa:

- 67% responden kini mengkaji destinasi dan aktiviti yang ditawarkan sebelum melancong
- 74% bimbang sama ada duit mereka menuju ke tempat yang betul
- Semasa melakukan lawatan yang menggunakan pemandu pelancong, 56% berkata ia adalah penting untuk menggunakan pemandu pelancong tempatan
- 70% sering mengkaji dasar etika syarikat pelancongan sebelum mengambil pakej yang ditawarkan
- 72% cenderung mengambil pakej lawatan dengan syarikat yang aktif memperjuangkan hak wanita.

Ini, dan laporan yang serupa, menunjukkan perubahan pilihan pengguna, dan munculnya alternatif kepada pelancongan besar-besaran. Perubahan pelancongan sebegini bukan sahaja perlu mengubah pelancong tetapi juga mengubah destinasi di mana pelancongan berlangsung secara positif.

Masa Depan untuk Tioman

Nilai pelancongan untuk ekonomi negara tidak dapat dinafikan, menyumbang 6.1% daripada GDP pada tahun 2017, dengan nilai RM 82.6 bilion. Pada tahun 2018, kira-kira 3.5 juta orang bekerja di sektor ini, menjadikan pelancongan sebagai salah satu industri terbesar di Malaysia, merangkumi hampir satu perempat daripada semua pekerjaan.

Walau bagaimanapun, penyelidikan menunjukkan bahawa pembangunan infrastruktur berskala besar akan menghasilkan kesan yang sangat memudaratkan kepada kedua-dua ekosistem dan penduduk pulau seperti Tioman. Ini bertentangan dengan komitmen negara untuk memelihara biodiversiti dan ia tidak akan dapat bertahan untuk jangka masa yang panjang. Pendekatan alternatif yang meningkatkan **nilai** pelancongan tanpa meningkatkan **bilangan** pelancong dengan mendadak mungkin lebih baik.

Tioman mempunyai dua ciri-ciri yang menyokong konsep pulau yang dibangunkan sebagai destinasi pelancongan lestari dengan bilangan pelancong yang rendah:

- Biodiversiti: Tioman adalah pulau mega-pelbagai biologi. Di kedua-dua ekosistem daratan dan lautan, bilangan spesies adalah tinggi dan di daratan terdapat spesies endemik.
- Status semula jadi: Sebahagian besar Tioman masih belum dibangunkan. Hanya satu resort yang mempunyai lebih daripada 100 bilik; rangkaian jalan raya adalah terhad, dengan banyak kawasan hanya boleh dicapai dengan bot; dan sebahagian besar pulau ini tidak mempunyai resort. Penyelidikan mengenai tren pelancongan menunjukkan bahawa semakin ramai pelancong mencari pengalaman yang asli, lebih suka destinasi yang belum dibangunkan dan tidak terganggu, tidak dibangunkan untuk pelancongan besar-besaran.



Semua ini memberi sebab yang kukuh untuk mengembangkan model pelancongan lestari yang **bernilai tinggi dengan bilangan pelancong yang rendah** di Tioman, daripada model pelancongan besar-besaran yang biasa. Bilangan pelancong yang rendah tidak memerlukan pelaburan dalam infrastruktur atau kemudahan pengangkutan yang baru dan besar, kemudahan yang sedia ada boleh ditambahbaik.

Jika infrastruktur pengangkutan baru diperlukan untuk Tioman, termasuk lapangan terbang baru, mungkin alternatifnya ialah mempertimbangkan tanah besar yang berdekatan, di mana kawasan yang cukup besar sedia ada. Bot berkelajuan tinggi dan cekap bukan sahaja memberi kemudahan kepada Tioman, tetapi juga semua pulau di pesisiran Tenggara Semenanjung Malaysia. Manfaat kemudahan yang ditambahbaik ini boleh dinikmati oleh lebih ramai orang di lebih banyak tempat, sambil mengelakkan kerosakan yang tidak dapat dielakkan disebabkan oleh pembangunan lapangan terbang di satu pulau kecil.

Catatan pengarang: Walaupun rujukan tidak disenaraikan di sini, penyediaan kertas ini memerlukan penyelidikan yang mendalam di mana lebih daripada 100 penerbitan ilmiah dan penerbitan lain dirujuk. Senarai akan disediakan apabila diminta.



Pelancongan selepas Coronavirus

Kertas ini ditulis pada Februari 2020, sebelum mengetahui implikasi sepenuh wabak coronavirus. Bilangan pelancong di Tioman (dan pulau-pulau lain) pada masa ini adalah sifar; penduduk pulau dan perniagaan pelancongan berjuang untuk bertahan. Kesan jangka masa yang panjang sukar diramal, tetapi beberapa tren menjadi jelas:

- Pakar industri pelancongan meramalkan satu jangka masa pemulihan yang panjang, sehingga lima tahun dan pelancongan besar-besaran mungkin tidak akan kembali. Industri pelancongan selepas coronavirus akan kelihatan sangat berbeza, dengan kumpulan yang lebih kecil mencari pengalaman alam semula jadi dan pengalaman tempatan yang asli di lokasi di mana keselamatan dan kesihatan dapat dijamin. Bandar akan menderita; pulau-pulau mungkin mendapat keuntungan - tetapi hanya jika ia dapat memberikan pengalaman pelancongan berkualiti tinggi, berskala kecil yang dicari oleh pelancong.
- Satu kajian yang dilakukan oleh Pelancongan Malaysia menyokong ini. Hampir 14,000 orang menyertai tinjauan itu, yang menanyakan kepada rakyat Malaysia mengenai sikap mereka terhadap pelancongan selepas coronavirus. Keputusan menunjukkan pilihan yang tinggi untuk pelancongan domestik, bukan ke luar negara. Hampir semua responden menilai kebersihan dan keselamatan sebagai keutamaan dalam menentukan pelancongan. Dan kebanyakan akan mengelakkan melancong di kawasan yang ramai orang dan aktiviti membeli-belah/taman tema.

Kedua-duanya menunjukkan perubahan yang ketara dalam tren pelancongan dalam jangka masa pendek-sederhana: pelancongan tempatan, kumpulan kecil, ruang terbuka.

Kesan yang lebih lanjut daripada perubahan ini dalam pasaran pelancongan adalah berkaitan dengan ketahanan ekonomi. Ekonomi pulau sedang menderita dan terdapat keperluan untuk mempelbagaikan peluang kehidupan dengan mengembangkan kegiatan ekonomi baru yang tidak bergantung kepada pelancongan. Pertanian berskala kecil, pertanian rumpai laut, marikultur - semua memberi peluang kepada beberapa penduduk pulau untuk memperoleh pendapatan yang tidak bergantung pada wang pelancongan. Ini mungkin akan menyumbang kepada perasaan pelancongan yang "asli" - mengunjungi sebuah pulau kecil untuk mengambil bahagian dalam kehidupan di pulau itu, bukan berhimpit dengan ratusan pelancong lain.

Perlukah kita melabur dalam infrastruktur pelancongan berskala besar dalam situasi masa sekarang? Atau haruskah kita melihat jangka masa panjang dan menyediakan destinasi pelancongan kita untuk realiti yang baru: kumpulan kecil; pengalaman asli; damai dan sunyi? Bukan lapangan terbang baru, hotel besar dan pelancongan besar-besaran.

